

Muzium Insitu dibuka Disember

B.H 6/6/07 M/S 16 9

KUALA LANGAT: Muzium Insitu yang menempatkan binaan semula Balai Polis Lama Jugra atau rumah pasung di Jugra dekat sini dan mempamerkan bahan mengenai Selangor, yang terbengkalai sejak tiga tahun lalu selepas semua peruntukan berjumlah RM1.5 juta habis digunakan, hanya akan dibuka kepada orang ramai penghujung tahun ini.

Muzium menempatkan tinggalan sejarah zaman penjajahan British itu berjaya disiapkan sepenuhnya selepas menerima peruntukan tambahan sebanyak RM200,000 bagi menyediakan bekalan elektrik, air, pengawal keselamatan, tembok batu dan tandas.

Kurator Lembaga Muzium Selangor, Mohd Lofti Nazar, berkata muzium itu mula dibina pada 2003 tetapi gagal disiapkan sepenuhnya walaupun semua peruntukan sebanyak RM1.5 juta yang disediakan habis digunakan.

Beliau berkata, pihaknya terpaksa meminta peruntukan tambahan pada 2005 untuk menyiapkan Muzium Insitu yang bakal menjadi muzium utama bagi daerah Kuala Langat itu dan sebanyak RM200,000 disalurkan pada 2006 untuk membolehkan muzium itu disiapkan.

"Sebelum peruntukan tambahan RM200,000 diperolehi, bangunan muzium ini tidak terurus dengan dipenuhi semak samun, dijadikan sarang penagih dadah dan ada peralatan dalam bangunan ini rosak," katanya ketika ditemui bersama-sama menyertai lawatan kerja Exco Pelancongan, Kesihatan dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Datuk Dr Lim Thuang Seng ke muzium itu di sini, semalam.